

**TEKS UCAPAN
Y.BHG. PROF. DATUK WIRA DR. RAHA ABDUL RAHIM
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

KEMPEN KIBARKAN JALUR GEMILANG 2021

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Illahi kerana dengan keizinanNya, dapat kita bersama-sama secara virtual pada hari yang indah ini bagi menjayakan Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang bagi tahun 2021 peringkat Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2. Walaupun program ini dilaksanakan secara virtual, namun saya amat yakin, semangat patriotisme dan rasa cinta terhadap kemerdekaan negara ini tidak pernah luntur sama sekali. Ianya kekal terpahat di dalam hati sanubari kita sepanjang masa.
3. Dalam usia kemerdekaan negara yang telah memasuki tahun ke 64 pada kali ini, kita sebagai rakyat Malaysia seharusnya berasa amat bersyukur dan bertuah kerana

terus dikurniakan suasana kehidupan yang aman, harmoni dan sejahtera.

4. Saya amat mengharapkan agar kita semua warga UTeM akan lebih memahami, menghayati erti kemerdekaan serta mendalami maksud tema kemerdekaan pada kali ke-64 ini iaitu Malaysia Prihatin.
5. Dalam kontek UTeM Prihatin pula, saya melihat, di sepanjang tempoh penularan pandemik COVID 19, kebersamaan dan keprihatinan seluruh warga UTeM

amatlah terserlah. Kita sentiasa bersama dan sepakat sebagai satu pasukan UTeM untuk memberikan yang terbaik dalam segala aspek keperluan sebagai tanda keprihatinan kita dalam menjaga kebajikan dan kesejahteraan pelajar, staf dan masyarakat umum khususnya yang terkesan akibat penularan wabak ini.

6. Diharapkan kita semua dapat memainkan peranan dan tanggungjawab kewarganegaraan atau citizenship dalam konteks Malaysia dan UTeM Prihatin, agar hasrat kerajaan menerusi tema kemerdekaan pada kali ini dapat dimaknakan dalam erti kata yang sebenar. Teruskan keprihatinan dalam menjaga kesihatan dan sentiasa mengambil langkah-langkah pencegahan penularan COVID 19 yang masih belum berpehujung.

7. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Kebangsaan ke 64 kepada seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Semoga semangat patriotisme dan cintakan negara terus subur dalam diri setiap kita untuk negara Malaysia yang dicintai.

8. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahhi Rahmannir Rahim, saya dengan ini melancarkan Bulan Kebangsaan dan

Kempen Kibar Jalur Gemilang bagi tahun 2021 peringkat
Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Merdeka! Merdeka! Merdeka!